



Apabila brek digunakan, anak panah yang terpasang pada lengan brek bergerak ke arah tanda rujukan pada panel brek. Jika anak panah selari dengan tanda rujukan pada aplikasi penuh brek, brek kasut mesti diganti. Jumpa wakil pengedar anda untuk servis ini.

Apabila servis brek diperlukan, jumpa wakil pengedar anda. Hanya gunakan Bahagian Gantian Honda yang tulen ataupun yang setaraf dengannya.

Melaraskan Suis Lampu Brek

Periksa fungsi suis lampu brek. Tahan suis lampu brek dan putarkan nat pelaras ke arah A jika suis bertindak lambat atau putarkan nat pelaras ke arah B jika suis bertindak terlalu awal.

